

**TAHAP PENGGUNAAN PENDEKATAN BELAJAR MELALUI BERMAIN DALAM
PENGAJARAN BAHASA INGGERIS DI KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH**
*Level of Usage of Learning Approach Through Play In English Teaching Among Primary School
Teachers*

Auni Bazilah Alias & Mohd Jasmy Abd Rahman
auni_bazilah93@yahoo.com & mjas@ukm.edu.my
Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM

ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk mengetahui tahap penggunaan pendekatan di kalangan guru Bahasa Inggeris dan kekangan terhadap pelaksanaan Pendekatan Belajar Melalui Bermain (PBMB) dalam pengajaran Bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah sekitar Hulu Langat, Selangor. Model Penerimaan Berasaskan Keprihatinan atau *Concerns-Based Adoption Model* (CBAM) digunakan dalam kajian ini untuk melihat tahap penggunaan pendekatan di kalangan guru Bahasa Inggeris terhadap pelaksanaan Pendekatan Belajar Melalui Bermain PBMB. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif di mana soal selidik telah digunakan untuk mengutip data. Seramai 50 orang responden yang terdiri dari kalangan guru-guru Bahasa Inggeris dan lima buah sekolah yang berbeza sekitar Hulu Langat, Selangor terlibat dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penggunaan PBMB di kalangan guru Bahasa Inggeris sekolah rendah adalah di peringkat yang sangat rendah, di mana ada 17 orang menggunakan pendekatan belajar melalui bermain dan 33 orang tidak menggunakan pendekatan tersebut. Pengenalpastian tahap penggunaan pendekatan belajar melalui bermain dikalangan guru Bahasa Inggeris sekolah rendah terhadap pelaksanaan aktiviti belajar melalui bermain dapat membantu pihak pentadbir pendidikan untuk merancang dan menyediakan program yang bersesuaian agar dapat meningkatkan dan membantu guru dalam melaksanakan pendekatan atau perubahan yang perlu dalam pengajaran dan pembelajaran harian di kelas.

Kata kunci: Tahap Penggunaan; Model CBAM; Pendekatan Belajar Melalui Bermain; Sekolah Rendah; Bahasa Inggeris.

Received: 14 January 2019

Revised: 22 January 2019

Accepted: 15 Mac 2019

ABSTRACT

This study is to determine the level of usage of the approach among English teachers and the constraints on the implementation of Learning Through Play Approach (PBMB) in teaching English at primary school level around Hulu Langat, Selangor. Concerns-Based Adoption Model (CBAM) was used in this study to examine the use of approaches among English teachers towards the implementation of PBMB Learning Through Play Approach. This study uses the qualitative approach where a survey was used to collect data. A total of 50 respondents who were English teachers from five different schools around Hulu Langat, Selangor were involved in this study. Findings from the study show that the level of PBMB usage among primary school teachers is at a very low level, where 17 people use the learning approach through play and 33 people do not use the approach. The identification of the usage level of learning approach through play among primary school English teachers on the implementation of learning activities through play can help the educational administrators to plan and provide appropriate programs in order to enhance and assist teachers in implementing the approach or make necessary changes in their daily teaching and learning in the classroom.

Keywords: *Level of Usage; CBAM Model; Learning Through Play Approach; Primary school; English.*

1.0 PENGENALAN

Menurut Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), pendekatan modul Bahasa Inggeris telah disembarkan kepada semua guru sekolah rendah yang mengajar subjek Bahasa Inggeris. Di dalamnya lengkap dengan pelaksanaan pengajaran yang menyeronokkan dan bermakna kepada murid-murid. Ia meliputi pendekatan yang terbaik bagi membolehkan objektif pengajaran tercapai. Jelas sekali Pendekatan Belajar Melalui Bermain (*Learning Through Play*) amat diambil berat dalam pembinaan modul pembelajaran Bahasa Inggeris. Hal ini terbukti melalui prinsip-prinsip pedagogi yang dibenarkan kurikulum dan seiring dengan matlamat KSSR yang mahu melahirkan murid yang mahir dan suka terhadap pembelajaran Bahasa Inggeris.

Penekanan pendekatan ini seharusnya menjadi amalan di kalangan guru sekolah rendah khususnya guru yang mengajar Bahasa Inggeris. Namun masih terdapat dalam kalangan guru yang memandang remeh dan tidak prihatin tentang penggunaan Pendekatan Belajar Melalui Bermain (PBMB) ini kerana beranggapan bahawa belajar sambil bermain akan melekakan murid-murid dan seterusnya menyebabkan prestasi mereka menurun. Kenyataan ini disokong oleh Faizah Abdul Majid (2012) yang berpendapat bahawa masih terdapat guru yang tidak menekankan Pendekatan Belajar Melalui Bermain di sekolah kerana tekanan untuk menghabiskan silibus dan memenuhi pencapaian akademik. Ekoran daripada itu, kebanyakan guru menggunakan buku teks dalam pengajaran mereka dan tidak mengamalkan kurikulum yang menekankan Pendekatan Belajar Sambil Bermain.

Model Penerimaan berasaskan Keprihatinan atau *Concerns-Based Adoption Model* (CBAM) yang dikemukakan oleh Hall & Hord (2011) digunakan untuk melihat Tahap Penggunaan inovasi. Model ini dapat memaparkan dan mengenalpasti tahap inovasi di kalangan guru dengan jelas. Pengenalpastian tahap penggunaan inovasi ini dapat membantu pelbagai pihak pendidikan untuk menyediakan program yang bersesuaian bagi meningkatkan tahap penggunaan inovasi guru Bahasa Inggeris sekolah rendah. Berdasarkan model CBAM ini, terdapat lapan tahap penggunaan PBMB iaitu aras 0 (Tiada Penggunaan), aras I (Suaikenal), aras II (Persediaan), aras III (Penggunaan Berterusan), aras IV A (Rutin), aras IV B (Penambahbaikan), aras V (Integrasi) dan VI (Pembaharuan Semula). Kesemua tahap penggunaan ini adalah

berdasarkan set kategori yang telah dikemukakan dalam teori CBAM iaitu Pengetahuan, Pemerolehan, Maklumat, Perkongsian, Pencarian, Perancangan, Status laporan dan Prestasi.

Ramai murid menganggap mata pelajaran Bahasa Inggeris adalah subjek yang sukar untuk mendapat markah yang tinggi dan membosankan. Persepsi negatif terhadap mata pelajaran Bahasa Inggeris dilihat menjadi antara halangan proses pembelajaran menjadi lebih menarik dan menyeronokkan di dalam bilik darjah. Bermain sememangnya sesuatu yang menyeronokkan kepada kanak-kanak. Menjadi satu perkara yang penting bagi guru dalam menggunakan ilmu, kurikulum dan amalan pengajaran untuk melaksanakannya di sekolah rendah. Pedagogi yang berkesan akan memberi manfaat yang optimum kepada murid-murid. Pendekatan ini sememangnya diakui keberkesanannya. Ini sebagaimana kajian Rashidah Rahman (2013) yang menyatakan belajar melalui bermain adalah sebagai satu pendekatan kurikulum yang paling bersesuaian dengan kanak-kanak kerana pendekatan ini merujuk kepada ciri-ciri semula jadi kanak-kanak yang sememangnya sangat suka bermain. Kesedaran kepentingan pendekatan ini juga bertepatan dengan kajian Zakiah et.al (2013) yang turut mencadangkan agar pendekatan ini dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak khususnya dalam pembelajaran Bahasa Inggeris.

Oleh itu, Model Penerimaan Berasaskan Keprihatinan atau *Concerns Based Adoption Model* (CBAM) merupakan satu model yang diguna pakai dalam kajian ini untuk merungkai persoalan kajian. CBAM diasaskan oleh Fuller pada tahun 1969 dan telah dikemaskini oleh Hall dan Hord 2011. Fokus model ini adalah tertumpu kepada inovasi dan konsep yang diketengahkan ke atas proses perubahan yang berlaku di sekolah dan amalan terbaik sesuatu program dan pembangunan baru oleh sumber luar yang diamalkan oleh guru. Secara teori guru mengadaptasi inovasi bagi mencapai hasil yang dihasratkan oleh penggubal kurikulum. Model ini dapat memaparkan dan mengenal pasti tahap inovasi di kalangan guru dengan jelas. Pengenalpastian tahap penggunaan inovasi ini dapat membantu pelbagai pihak yang terlibat dalam pendidikan untuk menyediakan program yang sesuai bagi meningkatkan tahap penggunaan inovasi guru Bahasa Inggeris sekolah rendah.

CBAM direka bentuk bertujuan untuk menilai keprihatinan guru ketika menerima dan melaksanakan perubahan-perubahan dalam pendidikan. Hall dan Hord (2011) mengkonsepsikan

keprihatinan sebagai perasaan, pemikiran, dan reaksi individu terhadap sesuatu inovasi yang relevan dengan pekerjaan seharian mereka. Tegasnya, keprihatinan seseorang guru itu mempengaruhi kejayaan pelaksanaan sesuatu inovasi serta menentukan jenis intervensi yang mereka perlukan dalam menerima dan mengadaptasi perubahan tersebut.

2.0 METODOLOGI

2.1 Sampel Kajian


Soal selidik ini diagihkan kepada 50 orang guru Bahasa Inggeris sekolah rendah di negeri Selangor. Dua puluh lima daripadanya adalah guru Bahasa Inggeris tahun satu tahap 1 dan selebihnya adalah guru Bahasa Inggeris tahap 2. Pemerihalan responden dibahagikan kepada jantina dan umur guru.

Jadual 1: Rumusan Pemerihal Responden

Pemboleh ubah	Demografi	Kekerapan (n=50)
Jantina	Lelaki	20
	Perempuan	30
Umur	20-29	15
	30-39	25
	40-49	10

Jadual 2: Kelayakan Akademik Responden

Kelayakan Akademik	Kekerapan (n=50)
Siswazah	35
Bukan siswazah	10
Siswazah Lanjutan	5



Rajah 1: Kelayakan Akademik Responden

2.2 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk kutipan data melalui penggunaan soal selidik yang menggunakan model CBAM yang telah digunakan oleh Tan Yi Ling (2015) dan diubahsuai oleh penyelidik mengikut objektif kajian ini. Soal selidik mengandungi 30 item berkaitan dengan tujuh tahap keprihatinan guru terhadap inovasi yang diperkenalkan. Setiap pernyataan berpandu kepada 7 skala mengikut intensiti yang berbeza seperti berikut:

Jadual 3: Tahap Keprihatinan Guru

Skor min	Interprestasi
0	Tidak berkaitan
1	Tidak benar
2	
3	Kurang benar
4	
5	Sangat benar

6	
7	

3.0 DAPATAN KAJIAN


Soal selidik umum yang mengukur Tahap Keprihatinan guru dalam Pendekatan Belajar Melalui Bermain menggunakan skala berikut iaitu; tidak berkaitan (tahap 0), tidak benar (tahap 1 dan tahap 2) dan kurang benar (tahap 3 dan tahap 4) adalah lebih tinggi berbanding dengan peringkat sangat benar (tahap 5, tahap 6 dan tahap 7).

Bagi peringkat tiada kaitan iaitu tahap 0, profil menunjukkan intensiti yang paling tinggi iaitu 91%. Tahap 5, tahap 6 dan tahap 7 adalah peringkat keprihatinan yang menunjukkan skor peratusan rendah berbanding dengan peringkat keprihatinan tiada kaitan (tahap 0), peringkat tidak benar (tahap 1 dan tahap 2) dan peringkat kurang benar (tahap 3 dan tahap 4). Bagi tahap 1, tahap 2 dan tahap 3 menunjukkan skor peratusan hampir sama iaitu 63%, 63% dan 65%. Jumlah skor mentah dan skor peratusan responden bagi setiap tahap keprihatinan ditunjukkan dalam jadual serta rajah berikut.

Jadual 4: Profil Umum Tahap Keprihatinan Guru Bahasa Inggeris Terhadap Pendekatan Belajar Sambil Bermain

Tahap Keprihatinan	Skor Peratusan	Jumlah Skor Mentah (Min 5 Item)	Min	Sisihan Piawai
Tahap 0	91	14	2.80	0.644
Tahap 1	63	17.10	4.275	0.499
Tahap 2	63	17	4.25	0.265

Tahap 3	65	16.90	4.23	0.263
Tahap 4	13	14	4.57	0.208
Tahap 5	52	20.8	4.16	0.279
Tahap 6	47	16.4	3.28	0.815




Rajah 2: Profil Umum Tahap Keprihatinan Guru Bahasa Inggeris Terhadap Pendekatan Belajar Sambil Bermain

3.1 Tahap Keprihatinan Guru Dalam Pelaksanaan Pendekatan Belajar Sambil Bermain Berdasarkan Jantina

Profil tahap keprihatinan guru mengikut jantina menunjukkan bahawa guru lelaki dan guru perempuan mempunyai skor yang tinggi pada peringkat keprihatinan tiada kaitan (tahap 0), tahap 1, tahap 2 dan tahap 3. Manakala bagi tahap 4, tahap 5 dan tahap 6 menunjukkan skor yang rendah. Skor peratusan kumpulan jantina guru adalah ditunjukkan dalam jadual serta rajah berikut.

Jadual 5: Profil Tahap Keprihatinan Guru Dalam Pelaksanaan Belajar Sambil Bermain Mengikut Jantina

Jantina	Tahap 0	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4	Tahap 5	Tahap 6
Lelaki	91	66	63	65	48	48	52
Perempuan	89	63	59	60	54	52	42



Rajah 3: Profil Tahap Keprihatinan Guru Dalam Pelaksanaan Belajar Sambil Bermain Mengikut Jantina


3.2 Tahap Keprihatinan Guru Dalam Pelaksanaan Pendekatan Belajar Sambil Bermain Mengikut Umur

Profil guru bagi kesemua kumpulan umur guru menunjukkan skor peratusan yang tinggi pada peringkat keprihatinan tiada kaitan (tahap 0), tahap 1, tahap 2 dan tahap 3. Selain itu, profil juga menunjukkan skor peratusan tahap 6 bagi umur 20 – 29 tahun adalah menaik dari tahap 5 dan tahap 6, walau bagaimanapun, tahap 6 menunjukkan terdapat penurunan skor peratusan

mengikut umur iaitu 55% bagi kumpulan umur 20- 29 tahun, 52% bagi kumpulan umur 30- 39 tahun dan 42% bagi kumpulan umur 40. Skor peratusan kumpulan umur ditunjukkan dalam jadual serta rajah di bawah.

Jadual 6: Profil Tahap Keprihatinan Guru Dalam Pelaksanaan Pendekatan Belajar Sambil Bermain Mengikut Umur

Kumpulan Umur	Tahap 0	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4	Tahap 5	Tahap 6
20-29 Tahun	93	63	59	65	48	48	52
30-39 Tahun	91	63	67	69	54	55	52
40-49 Tahun	89	60	63	60	48	48	42



Rajah 4: Profil Tahap Keprihatinan Guru Dalam Pelaksanaan Pendekatan Belajar Sambil Bermain Mengikut Umur

3.0 PERBINCANGAN

Hasil keseluruhan analisis menunjukkan 50 orang guru berlainan umur dan jantina adalah berbeza dari segi tahap penggunaan inovasi. Ini jelas dapat dilihat berdasarkan graf tahap keprihatinan guru dalam pelaksanaan pendekatan belajar sambil bermain berada pada skor paling tinggi berbanding dengan peringkat keprihatinan lain. Ini menunjukkan bahawa guru Bahasa Inggeris sekolah rendah di sekitar Selangor dapat menerima inovasi yang diperkenalkan dan

terlibat dalam pendekatan belajar sambil bermain. Selain itu, guru-guru juga mempunyai maklumat yang tinggi iaitu sebanyak 65% berkaitan dengan inovasi pendekatan belajar sambil bermain. Guru-guru dapat meningkatkan pengetahuan yang berkaitan dengan belajar sambil bermain melalui pencarian maklumat dalam internet dan menghadiri kursus yang ditawarkan.

Pada peringkat keprihatinan tugas, tahap pengurusan inovasi berada pada skor yang tinggi. Ini bermakna guru-guru Bahasa Inggeris merasakan bahawa Pendekatan Belajar Sambil Bermain (*Learning Through Play*) tidak memerlukan masa yang lama untuk dilaksanakan di dalam kelas. Bagi tahap kerjasama pula dapatan menunjukkan bahawa guru-guru mempunyai kerjasama diantara mereka dalam meningkatkan kecekapan dalam melaksanakan inovasi. Berdasarkan jantina, dapatan kajian menunjukkan tahap keprihatinan tiada kaitan (tahap 0) iaitu tahap kesedaran menunjukkan penglibatan guru terhadap Pendekatan Belajar Sambil Bermain dalam menyediakan bahan bagi kedua-dua kumpulan jantina guru adalah berada pada skor peratusan paling tinggi.

Dapatan kajian daripada Tahap Keprihatinan guru dalam Pelaksanaan Pendekatan Belajar Sambil Bermain berdasarkan umur menunjukkan bahawa ketiga-tiga kumpulan umur guru Bahasa Inggeris di Selangor menunjukkan penerimaan terhadap Pendekatan Belajar Sambil Bermain dalam pengajaran subjek Bahasa Inggeris dalam menyediakan rancangan pengajaran harian. Pada peringkat keprihatinan tiada kaitan (tahap 0) iaitu tahap kesedaran guru terhadap inovasi menunjukkan ketiga-tiga kumpulan umur guru berada pada skor peratusan yang tinggi. Ini bermaksud bahawa guru-guru terlibat dalam penyediaan RPH secara atas talian yang diperkenalkan di sekolah bagi memartabatkan penggunaan ICT dalam dunia pendidikan. Manakala bagi tahap 1 dan tahap 2 dan tahap 3 berada pada tahap yang sama.

Selain itu, kumpulan umur antara 30-39 tahun dan 40-49 tahun menunjukkan skor peratusan lebih tinggi berbanding dengan kumpulan umur 20-29 tahun. Guru-guru yang mempunyai pengalaman terhadap Pendekatan Belajar Sambil Bermain di sekolah rendah sekitar Selangor lebih memikirkan dan mengutamakan kesan terhadap aktiviti harian sebagai pendidik. Hal ini berlaku kerana guru-guru yang baru berkhidmat kurang berpengalaman terhadap melaksanakan pendekatan tersebut dan kurang terdedah dengan cara lama dalam pengajaran dan

pembelajaran kelas yang lama. Walau bagaimanapun, kumpulan umur antara 20-29 tahun menunjukkan *tailing up* pada tahap 6. Ini menunjukkan bahawa guru-guru muda lebih cenderung dalam melakukan inovasi yang melibatkan penggunaan ICT. Sesuatu kemahiran yang melibatkan minat seseorang akan mendorong individu tersebut berusaha dalam melakukan inovasi.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penggunaan pendekatan ini adalah di tahap 1 bagi semua guru Bahasa Inggeris di sekitar Selangor. Ini menunjukkan bahawa tahap penggunaan di kalangan guru Bahasa Inggeris ini adalah rendah. Keadaan ini terjadi kerana beberapa kekangan dari segi pelaksanaannya. Hasil maklum balas soal selidik mendapati bahawa guru Bahasa Inggeris ini lebih tertumpu pada pengajaran ke arah pencapaian peperiksaan murid dan tidak menekankan kepada penggunaan Pendekatan Belajar Melalui Bermain. Keadaan ini berlaku kerana mengikut kehendak ibu bapa yang lebih memandangkan kepada jumlah 'A' berbanding pencapaian yang lain yang boleh diperolehi dari pendekatan bermain ini. Ini menjadi satu sebab mengapa guru tidak menggunakan dan membuat pendekatan baru terhadap murid-murid. Ini dibuktikan dengan kajian yang dijalankan oleh Roselita Ali, Jamaludin Badusah dan Aliza Alias (2016) di mana didapati guru sekolah rendah ini lebih menumpukan pengajaran mereka kepada konsep membaca, menulis dan mengira berbanding dengan kaedah bermain sambil belajar atas permintaan ibu bapa. Begitu juga dengan hasil kajian oleh Kamarul Azman (2013) yang menunjukkan pengajaran sekolah rendah di Malaysia lebih kepada pendekatan formal.

Peranan pihak PPD, JPN dan Kementerian Pendidikan juga mempengaruhi tahap penggunaan pembaharuan pendidikan oleh guru khususnya dalam pelaksanaan PBMB dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Dalam kajian ini jelas menunjukkan kurang kerjasama antara pentadbir sekolah dan guru Bahasa Inggeris sekolah rendah. Hasil kajian menunjukkan kerjasama hanya berlaku di antara guru Bahasa Inggeris sesama mereka, dengan pihak PPD. Kerjasama dan pemantauan pentadbiran pendidikan seharusnya kerap berlaku. Pemantauan ini sekurang-kurangnya memberi panduan yang lebih jelas kepada guru dalam melaksanakan pengajaran yang lebih berkesan, seragam dan berobjektif. Menurut Tan Yi Ling & Lee Lay Wah (2015), selepas guru menghadiri kursus, keprihatinan guru sebagai pelaksana perubahan tidak dipantau. Guru dibiarkan semasa melaksanakan perubahan dan melakukannya mengikut

kefahaman sendiri. Hasil kajian Tan Yi Ling & Lee Lay Wah (2015) mencadangkan adalah wajar bagi pegawai KPM atau Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) yang terlibat dalam pemberian kursus untuk memantau ke sekolah, menyelesaikan kemusykilan guru, mengambil langkah intervensi dengan membantu serta memberi kursus lanjutan supaya guru jelas dan melaksanakan sesuatu pembaharuan dengan betul. Sehubungan dengan ini dapatlah disimpulkan bahawa pentadbir pendidikan melakukan pemantauan dengan baik untuk memperoleh hasil yang positif yang mudah diterima oleh guru dan impaknya berkesan kepada murid.

Selain itu, terdapat kekangan lain yang menyebabkan tahap penggunaan pendekatan ini di tahap yang rendah. Antaranya ialah masalah bekalan bahan dan sumber bagi menjalankan PBMB ini. Sumber tidak dapat diberikan kepada semua sekolah rendah kerana masalah kos untuk membeli bahan kepada murid-murid menjadi satu kekangan. Masalah ini turut dinyatakan dalam kajian-kajian yang berkaitan. Kajian Zamri Mahamod dan Juliawati Ibrahim (2015) juga menyatakan kekangan yang sama iaitu masalah kekurangan sumber pengajaran. Kajian tersebut menegaskan tentang kekurangan sumber dan bahan yang tidak bersesuaian dengan pengajaran bahasa. Masalah ini menyebabkan guru tidak bersemangat untuk mengaplikasikan pendekatan ini di dalam bilik darjah.

Stewart (2015) berpendapat dari segi penggunaan dan kekangan pelaksanaan PBMB, hampir semua guru mengharapkan perubahan segera berlaku di sekolah-sekolah. Perubahan mendadak yang perlu adalah dalam bentuk kaedah pengajaran baru atau jenis teknologi baru. Seseengah guru selesa menerima perubahan kerana tidak mahu pengajarannya yang dianggap telah lapuk dek zaman. Seseengahnya pula bimbang dengan perubahan baru kerana mereka takut tidak dapat menggabungkan kaedah pengajaran atau teknologi baru ke dalam kurikulum yang mereka gunakan selama ini. Daripada dapatan kajian ini jelas sekali bahawa guru memandang enteng terhadap kepentingan menggunakan pendekatan yang bermakna dan inovasi yang hebat yang boleh dilaksanakan bagi mencapai kejayaan dalam pelajaran dan pencapaian ujian. Keselesaan guru ketika mengajar juga hanya memberi manfaat kepada diri mereka sahaja sedangkan penggunaan Pendekatan Belajar Melalui Bermain lebih memberi impak positif kepada murid-murid. Perlu diakui bahawa kebolehan dan kemampuan guru memberi impak

terhadap kualiti pembelajaran murid-murid. Maka perlu bagi guru memperbaiki kebolehan dan kemampuan diri. Menurut Mohamed Amin Embi (2014), kualiti pembelajaran murid-murid sebahagian besarnya bergantung kepada kebolehan dan kemampuan guru dalam usaha menggalakkan perkembangan dan pencapaian serta mengenal pasti keberkesanan bahan pengajaran.

4.0 KESIMPULAN

Tahap penggunaan guru terhadap inovasi PBMB adalah di tahap yang rendah. Menjadi perkara penting bagi pentadbir pendidikan untuk mengetahui tahap penggunaan inovasi guru dan menyediakan program yang bersesuaian bagi meningkatkan inovasi dalam pengajaran guru. Kreativiti inovasi dalam pengajaran guru dapat meningkatkan keseronokan murid-murid dalam menimba ilmu di dalam kelas dan dapat menanam minat belajar terhadap Bahasa Inggeris. Pengenalpastian tahap ini dapat membantu pentadbir untuk merancang kejayaan dengan memberi motivasi serta panduan atau pendedahan ke arah meningkatkan penggunaan inovasi guru. Melalui pengenalpastian tahap penggunaan ini maka secara tidak langsung kekangan kepada pelaksanaan penggunaan inovasi PBMB dapat dikenal pasti dan seharusnya kekangan ini boleh diatasi dengan sewajarnya.

RUJUKAN

- Aliza Alias, Zahara Aziz & Rohaty Majzub. (2015). Teaching and learning reading through play. *World Applied Sciences Journal*, 14(4): 15-20.
- Faizah A Majid. (2012). School-based assessment in Malaysian School: the concerns of the English teacher. *Journal of US-China Education Review*, 8(10): 1-15.
- Fuller, F. F. (1969). Concern of Teachers: A Development Conceptualization. *American Educational Research Journal*, 6 (2), 207-226.
- Gail Stewart. (2015). *Teacher concerns and uses of ipads in the classroom with the Concern-Based Adoption Model*. Thesis Ph.D. University of North Texas.
- Hall, G. E., & Hord, S. M. (2011). *Implementing Change: Patterns, Principles and Potholes* (Third Edition). New Jersey: Pearson Education Inc.
- Jabatan Pelajaran Selangor. (2016). *Kajian pelaksanaan Kurikulum Sekolah Rendah (KSSR): Surat Siaran. Rujukan JPNPP (KUR) 600-6/12 Jilid 2(61)*.
- Kamarul Azman Abd Salam. (2013). Penggunaan CBAM untuk Menilai Pengajaran Guru dalam Inovasi Kurikulum Prasekolah. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed Amin Embi. (2014). UKM: Centre for Teaching & Learning Technologies. *Blended & flipped learning: Case studies in Malaysian HEIs*.
- Rashidah, R. (2013). *Pembangunan dan penilaian pakej pembelajaran mudah alih komsas dalam Bahasa Inggeris tingkatan empat*. Thesis PhD. University Kebangsaan Malaysia.
- Roselita Ali, Jamaludin Badusah & Aliza Alias. (2016). Tahap Penggunaan Inovasi Pendekatan Belajar Melalui Bermain Dalam Pengajaran Bahasa Malaysia di Kalangan Guru Prasekolah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 3(1): 1-8.
- Tan Yi Ling & Lee Lay Wah. (2015). Profil tahap keprihatinan guru terhadap inovasi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) berdasarkan Model Concern-Based Adoption Model (CBAM). *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 3(3): 1-21.
- Whitebread, D. (2013, November 16). Too much, too young. *New Scientist*, No. 2943. Retrieved from <https://www.newscientist.com/article/mg22029435-000-too-much-too-young-should-schooling-start-at-age-7/?fbclid=IwAR3CR3BgZuw9qLl1KhZ-p-DBo814cAiWMvQ9optgwAki6eYtRu7nYEO9M20>
- Zakiah Mohamad Ashari, Azlina Mohd. Kosnin & Yoe kee Jiar. (2013). Keberkesanan Modul Belajar Melalui Bermain terhadap kefahaman pengalaman pranombor kanak-kanak prasekolah. *International Seminar on Quality and Affordable Education* (2): 305-312.
- Zamri Mahamod, Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff & Juliawati Ibrahim. (2015). Perbandingan gaya pengajaran guru bahasa Melayu dan guru bahasa Inggeris. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34 (1): 67-92.